

## SKIM BANTUAN BENCANA ALAM ( SBBA )

### 1. Tujuan Bantuan

Tujuan Skim Bantuan Bencana Alam ini adalah untuk memberi kemudahan bantuan kewangan atau mata benda kepada pekebun kecil dan wargakerja RISDA / Syarikat Milikan RISDA yang ditimpa bencana bagi mengurangkan beban yang ditanggung supaya dapat meneruskan penghidupannya. Bantuan ini dipertimbangkan kepada permohonan yang mengalami bencana semasa sahaja.

### 2. Skop Pembiayaan

2.1 Pembiayaan adalah secara 'one-off' samada dalam bentuk kewangan atau mata benda mengikut jenis kemusnahan yang dialami seperti berikut :

Jenis Kemusnahan	Bantuan Maksimum
<b>Tanaman</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• RM500.00 sehektar</li><li>• Maksimum Kemusnahan 4 Hektar / RM2,000.00</li></ul>
<b>Ternakan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengikut kos sebenar kemusnahan dengan kadar maksimum RM2,000.00</li></ul>
<b>Rumah Kediaman</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kemusnahan dengan kadar maksimum RM15,000.00</li></ul>

### 3. Kelayakan pemohon

- 3.1 Pemohon mestilah warganegara Malaysia
- 3.2 Pemohon hendaklah terdiri daripada pekebun kecil yang disahkan oleh Pegawai RISDA Daerah / Jajahan / Bahagian atau Bahagian Tanam Semula Ibu Pejabat atau wargakerja RISDA / Syarikat Milikan RISDA yang disahkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing.
- 3.3 Pendapatan isirumah sekeluarga hendaklah RM3,000.00 dan ke bawah sebulan.

#### 4. Cara Memohon

- 4.1 Permohonan bantuan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah disediakan oleh Yayasan RISDA iaitu Borang SBBA
- 4.2 Borang permohonan yang telah lengkap dihantar kepada Urusetia Yayasan RISDA melalui Pengarah Bahagian, Pengarah RISDA Negeri, Pegawai RISDA Daerah / Jajahan / Bahagian atau SMR masing-masing.
- 4.3 Setiap permohonan perlu disertakan salinan dokumen sokongan berikut untuk tindakan urusetia Yayasan RISDA ;
  - i) Salinan Kad Pengenalan Pemohon yang disahkan untuk kegunaan Yayasan RISDA sahaja
  - ii) Ringkasan maklumat bencana ( termasuk gambar dan anggaran kos kerosakan / kemusnahan )
  - iii) Salinan Surat Tanam Semula RISDA sebagai bukti Pekebun Kecil (TS32 / RISDA7 / TS 18A) atau kad pekerja sebagai bukti wargakerja RISDA / SMR.
  - iv) Salinan geran tanah Tanam Semula sebagai bukti Pekebun Kecil
  - v) Salinan Penyata Gaji / pengesahan Pendapatan Pemohon
  - vi) Laporan Polis
  - vii) Sebutharga peralatan
- 4.4 Setiap permohonan perlu mendapatkan pengesahan dan sokongan Pengarah Bahagian, Pegawai RISDA Daerah / Jajahan / Bahagian / Negeri atau Ketua Pegawai Eksekutif SMR bagi memastikan borang permohonan lengkap, menepati syarat kelayakan bantuan dan mengesahkan pemohon adalah anak Pekebun Kecil yang berdaftar dengan RISDA atau wargakerja RISDA / SMR
- 4.5 Jawatankuasa Penilai Yayasan akan memberi pertimbangan ke atas semua permohonan yang diterima dan keputusannya adalah muktamad dan Jawatankuasa tidak terikat untuk memberi apa-apa alasan jika terdapat bantahan semasa menolak permohonan.